

Headline	Frim terima anugerah IDB 2012		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 May 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,260
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,779



## Frim terima anugerah IDB 2012

**SESUDAH** 76 tahun berbakti kepada masyarakat, negara dan dunia akademik, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) terus mencipta pelbagai kejayaan pada peringkat tempatan mahu pun antarabangsa.

Terkini, FRIM menerima satu lagi anugerah antarabangsa iaitu Anugerah Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi tahun Hijrah 1433H di Khartoum, Sudan untuk kategori Sains dan Teknologi pada April lalu.

Pengiktirafan ini diberi atas pencapaian FRIM yang cemerlang dalam memberi sumbangan saintifik atau teknologi terhadap pembangunan sosioekonomi negara anggota IDB.

FRIM adalah institusi kelima dari Malaysia yang pernah menerima Anugerah IDB sejak penganjuran pertama pada 2002.

Walau apa pun, anugerah itu hanyalah satu daripada puluhan pengiktirafan yang pernah diterima FRIM atas kecemerlangan dan pencapaian dalam menerajui sektor perhutanan secara am, bidang sains dan bioteknologi hutan, biodiversiti hutan serta alam sekitar.

Ketua Pengarahnya, Datuk

Dr Abd Latif Mohmod berkata, usaha gigih dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), kejayaan

pengkomersialan, perkongsian hasil R&D dan teknologi kajian dengan orang ramai melalui penerbitan pelbagai artikel saintifik serta bukan saintifik adalah tulang belakang kejayaan FRIM.

Menurutnya, FRIM telah menerbitkan 411 artikel penyelidikan dan 99 buah buku di samping

berjaya memastikan pengkomersialan 27 produk dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Bukan itu sahaja, usaha menjenamakan semula FRIM berjaya memantapkan lagi institusi ini sehingga dijulang dengan 77 anugerah kebangsaan dan 62 anugerah bertaraf antarabangsa dalam tempoh singkat lima tahun iaitu 2006 hingga 2011.

"Apa yang menarik, sebuah buku hasil penerbitan FRIM telah mendapat Anugerah Buku Negara bagi kategori Buku Teknikal Terbaik sempena Persidangan Buku Antarabangsa, baru-baru ini," katanya. - *BERNAMA*



Dari kiri: Duta Besar Malaysia ke Sudan, Datuk Mohd Ashri Muda, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, Ketua Pengarah Institut Latihan dan Penyelidikan Islam (IRTI), Prof Mohd Azmi Omar dan Abdul Latif pada majlis penyampaian anugerah IDB 2012 di Sudan.